

06 APR 2001

Mahathir-Lawat

PM HADIRI PERJUMPAAN DENGAN AJK UMNO PARIT BUNTAR

PARIT BUNTAR, 6 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghadiri perjumpaan dengan anggota jawatankuasa Umno bahagian Parit Buntar dan Bagan Serai di Dewan Merdeka di sini.

Pada perjumpaan tertutup selama dua jam itu, Perdana Menteri menjelaskan isu-isu semasa parti.

Perdana Menteri diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Setiausaha Agong Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin.

Kira-kira 400 penunggang motosikal yang terdiri daripada anggota Pergerakan Pemuda, mengiringi Perdana Menteri sejauh dua kilometer ke dewan berkenaan.

Ketua Umno Bahagian Parit Buntar, Abdul Rahman Sulaiman dan Ketua Umno Bahagian Bagan Serai Datuk Qamaruzzaman Ismail turut hadir pada perjumpaan itu.

Pada akhir perjumpaan itu, Dr Mahathir menyampaikan sumbangan kepada balu Allahyarham Yusoff Ahmad, bekas Setiausaha Umno bahagian Parit Buntar, Suhaya Abdul Rahman, 35. Jumlahnya tidak dinyatakan.

Allahyarham Yusoff meninggal dunia akibat sakit jantung pada 17 Mac lalu.

Perdana Menteri kemudiannya menghadiri jamuan tengah hari bersama rakyat di perkarangan Dewan Seri Kerian.

Dr Mahathir kemudiannya menunaikan solat Jumaat di Masjid Daerah Parit Buntar sebelum berlepas ke Bahagian Parit dengan menaiki helikopter.

Di PARIT, Dr Mahathir mengadakan perjumpaan tertutup dengan 2,000 anggota Umno cawangan Bahagian Parit dan Beruas di Dewan Majlis Daerah Parit selama satu jam setengah.

Selain berucap mengenai isu kepartian, orang Melayu dan Islam, Perdana Menteri turut mengadakan dialog dengan anggota yang hadir termasuk isu melibatkan masalah rakyat.

Walaupun hujan turun dengan lebat semasa majlis itu berjalan, sambutan anggota parti untuk bertemu dengan Presiden Umno tetap hangat dengan jumlah anggota yang hadir semakin meningkat.

Dr Mahathir kemudian bersama penduduk kawasan itu menghadiri jamuan teh bersama rakyat di perkarangan dewan itu sebelum bertolak ke Ipoh untuk menghadiri jamuan malam bersama rakyat di Dewan Bangkuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

Kira-kira 700 orang yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk wakil-wakil persatuan bukan kerajaan dijangka menghadiri jamuan malam itu.

-- BERNAMA

KAY AKD